

Praktis 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Dahri telah beberapa kali mencuba untuk menghidupkan enjin keretanya _____ masih gagal juga.

A atau C tetapi
B sambil D sementara

2. Anak kucing itu cepat-cepat menyorok di bawah sofa _____ melihat Samir masuk.

A apabila
B sambil
C yang
D agar

3. Kita akan disenangi ramai _____ bersikap ramah _____ tidak sombong terhadap orang lain.

A jika ... dan
B dan ... jika
C atau ... lalu
D serta ... atau

4. Pihak polis mengesahkan _____ penjenayah _____ berbahaya itu sudah berjaya ditangkap.

A kerana ... tetapi
B bahawa ... yang
C yang ... sambil
D dan ... lalu

5. Kasmadiana mengingatkan adiknya _____ bersiap ke kelas tambahan selepas makan tengah hari.

A apabila
B bahawa
C supaya
D tetapi

6. Aiskrim yang dijual oleh Shafiq kurang mendapat sambutan _____ cuaca pada hari itu mendung.

A kecuali C apabila
B sambil D kerana

7. Hazimin tetap meneruskan lariannya _____ dia sudah penat.

A agar C semasa
B yang D walaupun

8. Siti dan Kamila menggubah bunga _____ berbual-bual.

A dan C apabila
B sambil D sekiranya

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah ini.



9. Kakak mengelap meja makan _____ ibu memasak kek coklat.

A dan C walaupun
B tetapi D manakala

10. "Kamu boleh memilih untuk menyertai Pasukan Biru _____ Pasukan Merah," kata Cikgu Rashid kepada Zahid.

A atau C tetapi
B serta D bahawa

11. Encik Taufik segera mencapai kunci keretanya di atas meja _____ keluar untuk pergi ke pejabat.

A dan C jika
B lalu D yang

12. "Berhati-hatilah _____ dalam berkawan _____ tidak terjebak dalam gejala negatif," pesan datuk kepada Rosli.

A jika C tetapi
B dan D supaya